

## **JAWATAN KOSONG KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:-

1. **JAWATAN** : **PEGAWAI HAL EHWAL ISLAM**  
Kod Skim : 4PS12  
Jabatan : JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU  
Klasifikasi Perkhidmatan : PERKHIDMATAN SOSIAL  
Kumpulan Perkhidmatan : PENGURUSAN & PROFESIONAL

2. **JADUAL GAJI** : **GRED S9**

| <b>Gaji Minimum</b> | <b>Gaji Maksimum</b> | <b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b> |
|---------------------|----------------------|------------------------------------|
| RM 2,078.00         | RM 9,544.00          | RM 225.00                          |

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan  
(b) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred S9 : RM2,250.00); atau

- (ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pengajian Islam yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred S9 : RM2,470.00).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia /Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

## **5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN:**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Hal Ehwal Islam Gred S9, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 3 (b) di atas; atau
- (ii) lulus peperiksaan khas; dan
- (b) had umur pelantikan:
  - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
  - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
  - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.